



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جَبَاتَنَ حَالِ اَلْاَھْوَالِ اَلْاِیْمَالِ اَلْاِسْلَامِ نِیْجَرِیْ سَابَاہِ

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

14 JAMADILAKHIR 1447H / 05 DISEMBER 2025M

“ZAMAN TANPA TUNAI, IMAN MASIH BERNILAI”

Disediakan oleh:
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجَارَةً
عَنْ تَرَاضٍ مِّنْكُمْ وَلَا تَقْتُلُوا أَنْفُسَكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا ﴿٢٩﴾ (النساء: 29)
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ، أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ

JAMAAH MUSLIMIN YANG BERBAHAGIA,

Khatib ingin menyeru kepada jamaah Jumaat sekalian agar marilah kita bersama-sama berusaha meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita dikurniakan ganjaran kejayaan sama ada di dunia mahupun akhirat yang dijanjikan. Pada hari Jumaat yang mulia ini, khatib akan menyampaikan khutbah yang bertajuk ***“Zaman Tanpa Tunai, Iman Masih Bernilai.”***

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH SWT SEKALIAN,

Dunia global kini sedang dilanda satu fenomena yang memberi impak besar terhadap perubahan gaya kehidupan manusia, khususnya dalam

bidang muamalat apabila urusan jual beli, pembayaran, sedekah, zakat dan transaksi harian tidak lagi bergantung kepada wang kertas fizikal. Bahkan transaksi ini dilakukan melalui aplikasi telefon, perbankan digital dan sistem elektronik. Fenomena ini dikenali sebagai zaman masyarakat tanpa tunai atau “*cashless society*.”

Realiti di lapangan ketika ini, transaksi tanpa tunai seperti penggunaan “*Kod QR*”, “*e-wallet*”, pembelian dalam talian dan sebagainya telah diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Tidak dinafikan bahawa kemudahan ini dapat mempercepatkan urusan, menjimatkan masa dan mengurangkan risiko kehilangan wang tunai. Namun kita perlu insafi, kemudahan teknologi yang ada, hanyalah berfungsi sebagai alat pemudahcara. Sekiranya ia digunakan tanpa berpandukan nilai iman dan syariat Islam, sudah pasti masyarakat akan terjerumus ke dalam transaksi yang penuh dengan unsur penipuan dan tidak patuh Syariah. Firman Allah SWT dalam surah An-Nisa’ ayat 29 di awal mukaddimah khutbah tadi:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجَارَةً
عَنْ تَرَاضٍ مِّنْكُمْ... ﴿٢٩﴾

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu...”

Ayat tersebut menunjukkan kepada kita bahawa dalam setiap transaksi sama ada secara tunai ataupun digital mestilah mengutamakan nilai **kejujuran, amanah, dan kepatuhan kepada syariat.**

HADIRIN JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Dalam meniti arus kemajuan negara, kita perlu sedar dan insaf bahawa Islam tidak pernah menolak kemajuan dan teknologi, apatah lagi apabila kedua-duanya mampu memberikan kemudahan dan manfaat kepada masyarakat seluruhnya. Justeru, pada era yang semakin canggih dengan penggunaan aplikasi digital atau tanpa tunai dalam urusan harian ini, kita perlu bijak menyesuaikan diri dengan perubahan yang berlaku. Namun kita perlu tetap berpegang pada nilai iman dan syariat Islam. Setiap kemudahan yang Allah SWT kurniakan kepada kita, seharusnya dianggap sebagai rahmat yang mempermudah kehidupan kita seharian. Prinsip ini bertepatan dengan intipati ajaran Islam yang sentiasa mendorong umatnya kepada kemudahan dan kelonggaran dalam urusan dunia tanpa mengabaikan hukum dan prinsip syariat. Diriwayatkan dalam sebuah hadis Rasulullah SAW bersabda:

مَا خَيْرَ رَسُولٍ اللَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَيْنَ أَمْرَيْنِ، أَحَدُهُمَا أَيْسَرُ مِنَ الْآخَرِ، إِلَّا اخْتَارَ أَيْسَرَهُمَا، مَا لَمْ يَكُنْ إِثْمًا، فَإِنْ كَانَ إِثْمًا، كَانَ أَبْعَدَ النَّاسِ مِنْهُ

Maksudnya: “Apabila Rasulullah SAW disuruh memilih di antara dua perkara, nescaya Baginda SAW akan memilih yang lebih mudah di antara keduanya selama mana ia tidak berdosa. Adapun jika ia adalah berdosa, maka Baginda SAW adalah orang yang paling utama meninggalkannya”.
(HR Imam Muslim)

Oleh itu sebagai umat Islam, setiap urusan muamalat hendaklah berteraskan prinsip Islam serta menolak sistem konvensional yang hanya mementingkan keuntungan semata-mata, melibatkan riba dan unsur gharar atau ketidakpastian dalam sesuatu transaksi. Sesungguhnya amat jelas bahawa unsur-unsur ini boleh menghakis nilai keadilan dan kesaksamaan, mencemarkan keberkatan rezeki bahkan lebih parah lagi mampu mengundang kemurkaan Allah SWT. Hal seumpama ini telah ditegaskan oleh Rasulullah SAW melalui sabda Baginda:

نَهَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ بَيْعِ الْغَرَرِ

Maksudnya: “Rasulullah SAW melarang jual beli yang mengandungi unsur gharar.” (HR Imam Muslim)

JAMAAH JUMAAT YANG DIMULIAKAN ALLAH SWT,

Melihat kepada realiti bahawa muamalat tanpa tunai ini berpotensi membawa risiko seperti penipuan, gharar dan riba, maka sistem **muamalat berteraskan prinsip Islam perlu tampil sebagai solusi terbaik bagi umat Islam.** Prinsip muamalat Islam telah menggariskan bahawa setiap urusan masyarakat tanpa mengira bangsa dan agama dapat dilakukan dengan penuh amanah, adil serta berupaya menjamin kesejahteraan rakyat. Setiap transaksi dan perniagaan tanpa tunai hendaklah dilakukan dengan menekankan nilai kejujuran dan keberkatan, agar hak-hak manusia terpelihara dan masyarakat hidup dengan aman damai dan harmoni. Firman Allah SWT dalam surah Al-Maidah ayat 1:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَوْفُوا بِالْعُقُودِ ... ﴿١﴾

Maksudnya: *“Wahai orang-orang yang beriman, penuhi serta sempurnakanlah perjanjian-perjanjian...”*

Bagi memastikan agenda kesejahteraan ini benar-benar dapat direalisasikan, pihak kerajaan hakikatnya memikul tanggungjawab yang besar untuk melaksanakan sistem muamalat digital yang berteraskan syariat Islam agar setiap urusan ekonomi berjalan secara telus dan patuh syariah. Pihak berkuasa juga turut berperanan menggalakkan rakyat menggunakan transaksi digital dengan menyediakan platform jual beli yang halal, selamat dan efisien, agar urusan seharian dipermudahkan sekali gus mengurangkan risiko penipuan, riba dan adanya unsur gharar yang boleh menggugat keharmonian sosial. Perkara ini selaras dengan prinsip Islam yang menyatakan bahawa pihak pemerintah bertanggungjawab untuk memelihara hak rakyatnya dengan menegakkan kesaksamaan dan memastikan kesejahteraan hidup dapat dinikmati. Sabda Rasulullah SAW:

مَنْ وَلِيَ مِنْكُمْ أَمْرًا فَلْيَسْتَأْمِنْهُ

Maksudnya: *“Barang siapa di antara kamu diberi tanggungjawab, maka hendaklah dia berlaku amanah.”* (HR Ahmad)

JAMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH SWT,

Khatib ingin menyeru kepada jamaah Jumaat sekalian agar marilah kita bersama-sama menggembelng tenaga dan fokus dalam merencanakan ekonomi Negeri Sabah, melalui pemantapan bidang muamalat khususnya dengan penggunaan transaksi tanpa tunai berteraskan prinsip muamalat Islam. Sebagai kesimpulan khutbah pada kali ini, ingatlah nasihat yang berikut:

Pertama: Muamalat tanpa tunai merupakan suatu kemudahan yang harus diraikan oleh umat Islam dengan pertimbangan neraca keimanan dan keadilan.

Kedua: Umat Islam hendaklah bijak beradaptasi dengan teknologi yang pesat membangun agar tidak ketinggalan dalam arus kemodenan, namun tetaplah berpandukan prinsip syariat Islam dalam setiap tindakan.

Ketiga: Kerajaan hendaklah memainkan peranannya demi menjamin kesejahteraan rakyat terpelihara dengan mengurus sistem muamalat digital yang adil, telus dan patuh syariah.

Justeru itu, Islam sangat menuntut umatnya agar sentiasa berpaut pada nilai iman dan syariat Islam dalam semua perkara. Sistem transaksi digital ataupun tanpa tunai melalui platform sedia ada pada hari ini perlu dikawal selia agar terhindar daripada unsur penipuan, gharar dan riba. Insafilah firman Allah SWT dalam surah Al-A'raf ayat 96:

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ ءَامَنُوا وَاتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ
وَلَكِن كَذَّبُوا فَأَخَذْنَاهُم بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ ﴿٩٦﴾

Maksudnya: *“Dan (Tuhan berfirman lagi): Sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertaqwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya, dari langit dan bumi. Tetapi mereka mendustakan (Rasul Kami), lalu Kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang mereka telah usahakan.”*

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي
هَذَا وَاسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا كِبَاوَه دُولِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سِرِي قَادُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَفَرْتَوَانْ أَكُوغْ وَكَذَلِكَ عَلَى فَخَّامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانْ يَغْ تَرَاوْتَامْ يَغْ دَفَرْتَوَانْ نَكْرِي سَابَه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ أَمْنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَعُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, selamatkanlah saudara kami yang dizalimi di bumi barakah Palestin, Sudan dan negeri Syam sekitarnya. Kasihani dan limpahkanlah Rahmat-Mu ke atas mereka.

Ya Allah, naungilah kehidupan negeri dan juga negara kami. Hiasilah diri kami dengan sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat yang keji. Satukanlah hati kami dalam menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkar. Perelokkanlah pekerti kami dengan jalinan perpaduan, sentiasa berlapang dada dan mengutamakan sikap tabayyun serta ilmu dalam setiap tindakan.

Ya Qadiyal hajat, jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَا تَكْفُرُوا بِاللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA:

Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi

Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Hubungi [088-522127](tel:088-522127) / jheains.penerbitan@gmail.com untuk sebarang pertanyaan/ maklumat lanjut.